

## PANDUAN PEPERIKSAAN PEMBEDIL TEORI BAGI TAHUN \_\_\_\_\_

Berikut adalah maklumat kepada calon-calon yang berminat untuk menduduki Peperiksaan Pembedil Teori bagi tahun \_\_\_\_\_.

### 1. Tarikh Peperiksaan Pembedil Teori bagi tahun \_\_\_\_\_

Bilangan	Tarikh	Hari
Bil 1/20...	.....	.....
Bil 2/20...	.....	.....
Bil 3/20..._	.....	.....

### 2. Pusat Peperiksaan

Bil	Kod Pusat	Pusat
2.1	SA 101	Shah Alam (IQM Puchong)
2.2	KN 102	Kuantan
2.3	IP 103	Ipoh
2.4	KC 104	Kuching
2.5	KK 105	Kota Kinabalu
2.6	AS 106	Alor Setar
2.7	KB 107	Kota Bharu
2.8	JB 108	Johor Bahru
2.9	SB 109	Seremban
2.10	KT 110	Kuala Terengganu
2.11	USM 111	Universiti Sains Malaysia

Urusetia Peperiksaan Pembedil akan memaklumkan angka giliran calon seminggu sebelum tarikh peperiksaan.

*Catatan: Pusat peperiksaan di atas hanya akan diwujudkan tertakluk kepada bilangan permohonan minimum yang diterima oleh Urusetia Peperiksaan Pembedil.*

### 3. Pemohon Yang Layak Menduduki Peperiksaan

- 3.1 Permohonan hanya terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas sahaja.
- 3.2 Pemohon telah menghadiri kursus Pembedil Teori yang dianjurkan oleh pihak Malaysia Quarries Association (MQA), Institute of Quarrying Malaysia (IQM), Malaysian Chambers of Mines (MCOM) atau mana-mana penganjur kursus yang diluluskan oleh Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia.

- 3.3 Tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan jenayah oleh pihak berkuasa.
- 3.4 Pemohon hendaklah lulus tapisan keselamatan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM)
- 3.5 Sekurang-kurang boleh membaca dan menulis

#### 4. Sukatan Peperiksaan

Soalan-soalan Peperiksaan Pembedil Teori adalah dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Calon boleh membuat pilihan Bahasa yang digunakan untuk menjawab soalan-soalan.

Peperiksaan ini dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu:

- i) **Bahagian pertama: Soalan Objektif.**  
Mengandungi Lima puluh (50) soalan dan calon wajib menjawab kesemua soalan.
- ii) **Bahagian Kedua : Soalan Subjektif**  
Mengandungi dua (2) Bahagian iaitu:
  - Bahagian A: Mengandungi dua (2) soalan, dan calon wajib menjawab kedua-dua soalan tersebut; dan
  - Bahagian B: Mengandungi enam (6) soalan pilihan dan calon dikehendaki menjawab tiga (3) soalan sahaja.

#### 5. Borang Permohonan

Calon-calon yang berminat untuk menduduki Peperiksaan Pembedil Teori hendaklah membuat permohonan melalui **BORANG JMGLK/TDA**. Borang ini boleh diperolehi daripada semua pejabat Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia. Borang ini juga boleh dimuat turun melalui laman web jabatan di alamat [www.jmg.gov.my](http://www.jmg.gov.my).

#### 6. Yuran Permohonan

Calon-calon yang ingin menduduki Peperiksaan Pembedil Teori akan dikenakan yuran peperiksaan sebanyak RM120 (Ringgit Malaysia: Seratus Dua Puluh Sahaja).

Tujuan yuran ini dikenakan adalah untuk menanggung kos penyediaan peperiksaan tersebut. Yuran ini tidak akan dikembalikan sekiranya calon yang telah mendaftar tidak menghadiri peperiksaan yang berkenaan.

Pembayaran yuran boleh dibuat dengan menggunakan kiriman Wang/Wang Pos Malaysia/Bank Draf atas nama "**PENGARAH BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL**"

*Catatan: Bayaran yuran peperiksaan menggunakan cek tidak diterima.*

## **7. Cara membuat permohonan dan tarikh tutup permohonan**

**Borang permohonan lengkap\*** berserta yuran peperiksaan hendaklah dihantar ke alamat dibawah sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh peperiksaan.

**Pengarah  
Bahagian Perkhidmatan Teknikal  
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia  
Peti surat 1015, Jalan Sultan Azlan Shah  
30820 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.  
(u.p : *Urusetia Peperiksaan Pembedil*)**

*Catatan :*

*Borang permohonan lengkap adalah:*

- 1) Borang permohonan yang telah diisi dan ditandatangani*
- 2) Satu(1) salinan kad pengenalan*
- 3) Satu (1) Salinan sijil kehadiran Kursus Asas Pembedil*

## **8. Permohonan Lewat**

Sebarang permohonan yang diterima lewat daripada tarikh tutup yang telah ditetapkan tanpa alasan yang munasabah akan ditolak.

Disediakan Oleh:

Urusetia Peperiksaan Pembedil  
Cawangan Perkhidmatan Lombong Dan Kuari  
Bahagian Perkhidmatan Teknikal  
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia.

Tel : 05-5406000

Faks : 05-5406100